

Perkongsian Pintar antara UIAM-CEDI

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 22 Julai 2010 12:48

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

22 JULAI 2010 / 10 SYAABAN 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Perkongsian Pintar antara UIAM-CEDI



INTERAKSI: Staf dan pelajar UIAM berinteraksi dalam masa melawat CEDI bagi memahami pengoperan dan bertukar pandangan mengenai program pembangunan keusahawanan dan koperasi.

UUM ONLINE: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (IPKK), Universiti Utara Malaysia telah menerima satu lawatan keja daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), baru-baru ini.

Lawatan yang disertai oleh staf dan pelajar UIAM itu bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar idea mengenai program pembangunan keusahawanan di universiti masing-masing.

Selepas mendengar tentang lawatan para pegawai CEDI, para peserta dibawa ke Makmal Simulasi Perniagaan untuk melihat dengan lebih dekat pelaksanaan program Usahawan Graduan Cemerlang (U-GRACE) anjuran Beraja's Center of University-Industry Link Collaboration (CUIC) dan CEDI.

Dalam pada itu, lawatan yang diketuai oleh Pengarah Divisi Pembangunan Pelajar UIAM, Dr. Nor Asiah Mohamad turut berkesempatan untuk berkunjung ke Varsity Mall bagi melihat perjalanan Koperasi Siswa UUM Berhad dan perniagaan yang dijalankan oleh para pelajar UUM.

Habis.